



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

GARIS PANDUAN PERANCANGAN **TAMAN KENDERAAN REKREASI**



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

GARIS PANDUAN PERANCANGAN TAMAN KENDERaan REKREASI

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)

2024

Cetakan Pertama 2024

©Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hak cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam garis panduan perancangan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

ISBN 978-629-7679-06-8



Diterbitkan oleh:

**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)**
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel : 03-8091 0000
www.planmalaysia.gov.my

PEMBERITAHUAN

Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi ini telah dibentang dan diluluskan di dalam:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) Khas, PLANMalaysia Bilangan 1 Tahun 2024 pada 29 Januari 2024.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 27 Februari 2024.
- iii. Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 8 Oktober 2024.
- iv. Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Kali Ke-84 pada 14 November 2024.
- v. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan dan Kebudayaan (JKPK) Bil. 3/2024

Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi ini perlu dibaca bersama rancangan pemajuan (rancangan struktur, rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas) yang sedang berkuatkuasa.

Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi ini juga hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172); Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) (Akta 828); Akta Jalan Parit dan Bangunan, 1974 (Akta A133); Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) serta peruntukan undang-undang dan garis panduan sedia ada yang berkaitan.

Rujukan juga perlu dibuat ke atas garis panduan lain yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan diterima pakai di peringkat negeri dan tempatan.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
<i>Isi Kandungan</i>	i
<i>Senarai Jadual</i>	ii
<i>Senarai Rajah</i>	ii
<i>Senarai Lampiran</i>	ii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Objektif	1
1.3 Skop	2
2.0 LATAR BELAKANG	3
2.1 Perubahan Gaya Hidup	3
2.2 Prospek Kenderaan Rekreasi	4
2.3 Ekosistem Kenderaan Rekreasi	6
2.4 Isu dan Permasalahan	7
2.5 Kepentingan Garis Panduan	8
3.0 ASAS PERUNDANGAN	9
4.0 PRINSIP PERANCANGAN	11
5.0 TAFSIRAN DAN KATEGORI	13
6.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN	16
6.1 Kawasan Berpotensi	16
6.2 Kesesuaian Tapak	18
6.3 Penandaan Sempadan dan Sirkulasi Dalaman	19
6.4 Penyediaan Plot Kenderaan Rekreasi	20
6.5 Penyediaan Utiliti	21
6.6 Penyediaan Kemudahan Asas dan Sokongan	22
7.0 MEKANISME PERMOHONAN & KELULUSAN PEMAJUAN	24
7.1 Pembangunan Sedia Ada	24
7.2 Pembangunan Baharu	25
7.3 Pertimbangan Lain	27
7.4 Konsultasi Maklumat Teknikal	27
8.0 PENGURUSAN OPERASI	28
8.1 Daftar Masuk	28
8.2 Taklimat Keselamatan	28
8.3 Keperluan Kakitangan di Tapak	29
8.4 Kesediaan Kecemasan	29
8.5 Penyelenggaraan Tapak	29
8.6 Keperluan-Keperluan Lain	30
9.0 PENUTUP	32

PERKARA		HALAMAN
Senarai Jadual		
Jadual 1	Kategori Pembangunan Tapak dan Taman Kenderaan Rekreasi di Malaysia	15
Jadual 2	Kawasan berpotensi untuk tapak dan taman kenderaan rekreatif	16
Senarai Rajah		
Rajah 1	Ekosistem Kenderaan Rekreasi Dari Sudut Ekonomi	6
Rajah 2	Jawatankuasa Kerja Pembangunan Industri RV (Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara)	8
Rajah 3	Penandaan sempadan tapak dan taman kenderaan rekreatif	19
Rajah 4	Penyediaan laluan dalaman di tapak dan taman kenderaan rekreatif	19
Rajah 5	Carta Alir Permohonan Kelulusan Pemajuan Tapak Dan Taman Kenderaan Rekreasi	26
Senarai Lampiran		
Lampiran 1	Contoh pelan susun atur pembangunan tapak kenderaan rekreatif.	L-1
Lampiran 2	Contoh pelan susun atur pembangunan taman kenderaan rekreatif.	L-2
Lampiran 3	Contoh reka bentuk plot kenderaan rekreatif bagi tapak dan taman kenderaan rekreatif.	L-3



1 PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi ini bertujuan memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kawal selia, agensi pelaksana, pemaju dan pengusaha serta badan profesional dalam merancang, mereka bentuk, mengawal, membangun dan menguruskan operasi tapak dan taman kenderaan rekreasi.

1.2 Objektif

Objektif Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi ini adalah untuk:

1

Memastikan perancangan tapak dan taman kenderaan rekreasi mengutamakan keselamatan, keselesaan dan kemampunan alam persekitaran.



2

Memastikan tatacara permohonan oleh pemohon dan tatakelola pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selaras dan menepati kehendak perundangan semasa.



3


Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pengoperasian tapak dan taman kenderaan rekreasi serta menyokong industri pelancongan dan industri pembuatan automotif dalam segmen kenderaan rekreasi.




1.3 Skop

Garis panduan perancangan ini menggariskan tiga aspek berikut:


a) Perancangan tapak;



b) Prosedur permohonan kelulusan; dan



c) Pengurusan operasi



Garis panduan perancangan ini juga memperincikan ketiga-tiga aspek di atas melibatkan dua kategori pemajuan iaitu:

- Tapak kenderaan rekreasi; dan
- Taman kenderaan rekreasi.

Garis panduan perancangan ini tidak menyediakan panduan kepada aktiviti kenderaan rekreasi yang dijalankan oleh pengguna di luar tapak dan taman kenderaan rekreasi seperti penganjuran program yang dibuat sama ada dengan atau tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan di luar tapak dan taman kenderaan rekreasi.

Garis panduan ini juga tidak meliputi perkara berkaitan reka bentuk kenderaan rekreasi yang boleh atau memerlukan kelulusan pihak yang berkaitan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Puspakom.



2

LATAR BELAKANG

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Perubahan Gaya Hidup

Kenderaan rekreatif atau lebih dikenali sebagai *recreational vehicle* dengan singkatannya sebagai 'RV' kini semakin popular di kalangan pengguna atau pemilik kenderaan di Malaysia. Jumlah pemilikan kenderaan rekreatif semakin meningkat di dunia termasuk Malaysia terutama sejak tahun 2020 apabila wabak COVID-19 melanda. Kenderaan rekreatif ini juga dikenali sebagai 'penginapan bergerak' memandangkan fungsinya selain bagi tujuan melakukan percutian berekreasi, juga berfungsi sebagai opsyen mengantikan penginapan konvensional seperti hotel, chalet dan homestay.

Dengan pemilihan kenderaan rekreatif sebagai opsyen penginapan di lokasi yang dituju semasa berekreasi, pengguna lebih bebas melakukan aktiviti luar (*outdoor*) selain mudah untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain mengikut keselesaan mereka. Bermalam atau menginap di dalam kenderaan rekreatif ketika melakukan percutian berekreasi kini semakin mendapat tempat di kalangan pelancong tempatan dan asing kerana ia bersifat unik berbanding dengan jenis penginapan yang konvensional. Ia bukan sahaja memberi peluang kepada pelancong untuk mendekatkan diri secara terus dengan alam semula jadi yang unik tetapi juga dapat menikmati pemandangan yang menarik melalui pengalaman yang unik dan eksklusif.

Di Malaysia, aktiviti kenderaan rekreatif bukan suatu yang baharu tetapi telah pun mula bertapak sejak awal 1990-an dengan adanya beberapa lokasi yang menawarkan kemudahan kepada mereka yang ingin melakukan aktiviti berkaitan kenderaan rekreatif. Contohnya di Taman Persinggahan Karavan (*Caravan Park*), Kuala Woh, Tapah, Perak yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Namun, pada ketika itu jumlah penggunaannya tidak sebanyak yang ada pada masa kini terutamanya selepas berlakunya pandemik COVID-19 pada tahun 2020.



2.2 Prospek Kenderaan Rekreasi

Kebanyakan pengguna kenderaan rekreasi di Malaysia memilih untuk menjalankan aktiviti rekreasi mereka di lokasi yang mempunyai elemen tarikan khususnya alam semula jadi seperti tapak perkhemahan dan perkelahan di pantai, sungai dan di hutan rekreasi termasuk di kawasan bandar yang menyediakan ruang untuk melakukan aktiviti rekreasi. Terdapat peningkatan jumlah pemilikan kenderaan rekreasi sejak tahun 2020 sehingga tahun 2022, di mana Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah merekodkan pendaftaran sejumlah lebih dari 3,000 unit kenderaan rekreasi.

Persatuan Campervan dan Motorhome Malaysia (PCMM) pula menyatakan bahawa pengguna kenderaan rekreasi memilih lokasi tapak perkhemahan dan perkelahan sedia ada bagi melakukan aktiviti mereka atas faktor keselamatan dan keselesaan. Namun, terdapat juga tempat letak kenderaan awam sedia ada yang berpotensi dijadikan ruang untuk mereka menjalankan aktiviti dalam perjalanan ke kawasan tarikan atau tapak dan taman kenderaan rekreasi.

Melihat kepada potensi kenderaan rekreasi serta permintaan terhadap ruang bagi tujuan menjalankan aktiviti kenderaan rekreasi, telah terdapat beberapa lokasi dibangunkan oleh pihak berkuasa tempatan dan pengusaha secara integrasi dengan kawasan kemudahan rekreasi dan tapak perkhemahan sedia ada seperti:

- i. Tapak Kenderaan Rekreasi Taman Malaysia di Taman Tasek Seremban, Negeri Sembilan di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Seremban.
- ii. Tapak Kenderaan Rekreasi di Pantai Batu Lima, Port Dickson, Negeri Sembilan di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Port Dickson.
- iii. Taman RV Bukit Serindit di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah.

Caj atau bayaran telah dikenakan kepada pengunjung bergantung kepada penawaran kemudahan dan aktiviti sokongan yang disediakan oleh pihak pengusaha dan PBT.



Foto 1: Tapak Kenderaan Rekreasi Taman Malaysia di Taman Tasek Seremban.
(Tarikh: 17.10.2023)



Foto 2: Taman RV Bukit Serindit di Taman Bandaraya Bukit Serindit.
(Tarikh: 22.12.2023)

Potensi dan perkembangan yang baik dalam industri kenderaan rekreasi juga telah membuka peluang ekonomi baharu dan ini dapat dilihat dengan terdapatnya pengusaha tempatan yang bergiat aktif dalam sektor pembuatan kenderaan rekreasi serta kemasukan pelaburan asing dalam membangunkan kilang pembuatan kenderaan rekreasi di Malaysia.

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region Development Council*, ECERDC) iaitu sebuah badan berkanun yang berfungsi untuk memudahcara pembangunan Wilayah Pantai Timur melibatkan Negeri Kelantan, Negeri Terengganu, Negeri Pahang dan sebahagian Negeri Johor (Daerah Mersing) menerusi kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek strategik, berimpak tinggi dan pemangkin untuk mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di Wilayah ECER telah menganggarkan potensi pelaburan berjumlah RM15 bilion akan diperolehi melalui pelaburan oleh pihak industri khususnya berkaitan kenderaan rekreasi di negeri di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur.



>3,000 unit
Kenderaan rekreasi

Unit kenderaan
rekreasi
daftarkan
sehingga
tahun 2022
(Sumber : JPJ
Malaysia)



Foto 3: JPJ menganugerahkan sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) pertama kepada peneraju RV terkemuka di Eropah dari Jerman, Knaus Tabbert AG.



>RM15B



Potensi pelaburan
berkaitan industri
kenderaan rekreasi bagi
tahun 2023 hingga 2030.


(Sumber: ECERDC,
Malaysia dan TAPIO
Management Advisory)

Foto 4: Majlis pelancaran kenderaan rekreasi oleh ECERDC keluaran syarikat Knauss Tabbert yang akan melabur di Negeri Pahang dengan pembukaan kilang pembuatan kenderaan rekreasi pertama di Malaysia.

2.3 Ekosistem Kenderaan Rekreasi

Potensi industri kenderaan rekreasi tidak hanya dilihat dari aspek industri pembuatan kenderaan rekreasi dan pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi tetapi juga kepada limpahan kepada sektor ekonomi yang lain. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh agensi swasta yang berperanan dalam menggalakkan aktiviti pelaburan dan pemajuan kenderaan rekreasi di Malaysia telah menggariskan sebanyak 10 sektor ekonomi utama dan 35 sektor ekonomi sokongan yang berkaitan dengan ekosistem kenderaan rekreasi (rujuk **Rajah 1**).

Rajah 1:
Ekosistem Kenderaan Rekreasi Dari Sudut Ekonomi



Sumber: TAPIO Management Sdn. Bhd., Januari 2024

2.4 Isu dan Permasalahan

Industri kenderaan rekreasi telah dilihat memberi sumbangan dari segi kemakmuran ekonomi, namun ia juga perlu diberi perhatian dari sudut kemampunan alam sekitar, kesejahteraan sosial dan pematuhan kepada peruntukan perundangan sedia ada.

Aspek keselamatan dan keselesaan pengguna perlu dijadikan keutamaan dalam memastikan pembangunan taman dan tapak kenderaan rekreasi yang mampan. Kebanyakan lokasi yang menjadi pilihan kepada pengguna adalah lokasi yang berisiko seperti pantai, sungai, tasik, kawasan hutan, kawasan bukit dan tanah tinggi.

Kawasan tanah tinggi, berbukit dan bercerun yang mempunyai risiko berlakunya tanah runtuh, aliran puing dan gelinciran tanah. Manakala tapak yang berhampiran dengan badan air seperti pantai, sungai, tasik dan bekas lombong pula mempunyai risiko berlakunya kejadian air pasang surut, hakisan pantai dan mendapatkan tanah serta bencana banjir. Pemajuan di kawasan hutan juga tidak terkecuali daripada risiko seperti gangguan haiwan liar dan runtuh tanah pokok. Bagi taman dan tapak yang dibangunkan di kawasan yang berhampiran dengan penempatan atau perbandaran pula berisiko kepada kejadian seperti vandalisme, kacau ganggu jenayah dan berkemungkinan juga berlakunya pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kewujudan tapak dan taman kenderaan rekreasi yang menawarkan pelbagai kemudahan kepada pengguna dan pengunjung bagi menjalankan aktiviti berkaitan kenderaan rekreasi ini memberi cabaran kepada PBT dan agensi kawal selia dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna, pengunjung, orang ramai dan sumberjaya alam semula jadi terjamin.



Foto 5:

Konflik penggunaan ruang awam (gelanggang permainan) dengan pengguna kenderaan rekreasi.



Foto 6:

Pengguna kenderaan rekreasi menjalankan aktiviti tanpa kawal selia dari segi keselamatan dan keselesaan

2.5 Kepentingan Garis Panduan

Keperluan kepada garis panduan ini telah dibangkitkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Industri RV pada 8 Mac 2022 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Lanjutan itu, beberapa Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan termasuklah Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur Kenderaan Rekreasi yang mana salah satu peranan yang diberikan adalah untuk menyediakan satu garis panduan berkaitan urusan perancangan dan pembangunan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan taman kenderaan rekreasi (rujuk **Rajah 2**).

Rajah 2:

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Industri RV (Pengerusi: Ketua Setiausaha Negara)

JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN INDUSTRI RV					
PERATURAN PEMBANGUNAN INDUSTRI RV			PEMBANGUNAN PELANCONGAN RV		
Kewangan, Insuran dan Insentif	Peraturan Daftar RV	Promosi Pelaburan	Pembangunan Infrastruktur	Promosi Tapak dan Taman RV	Teknologi Tapak dan Taman RV
Kementerian Kewangan (MOF)	Kementerian Pengangkutan (MOT)	Malaysian Investment Development Authority (MIDA) & ECERDC	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)	Kementerian Sain, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

TINDAKAN oleh PLANMalaysia di bawah KPKT					
Garis Panduan Perancangan (GPP)					

Sumber: Pembentangan MITI di Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Kali ke-81

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah diberi peranan bagi menyediakan garis panduan tersebut sebagaimana keputusan Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur Kenderaan Rekreasi Bil.1/2023 bertarikh 9 Mac 2023. Kertas kerja bagi memaklumkan peranan dan tanggungjawab Pihak Berkusa Negeri dan PBT dalam menyokong perkembangan pembangunan kenderaan rekreasi juga telah dibentangkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Kali Ke-81 pada 19 Oktober 2023.

Lanjutan itu, PLANMalaysia telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan termasuk pemain industri, wakil persatuan, PBT dan agensi kawal selia bagi penyediaan garis panduan. Lawatan penanda aras juga telah diadakan pada 22 hingga 24 Januari 2024 bagi melihat pelaksanaan semasa oleh PBT dan agensi berkaitan melibatkan beberapa lokasi iaitu di kawasan Majlis Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan, kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan, kawasan Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah, Melaka, kawasan Majlis Daerah Tangkak, Johor dan di Taman Negara Gunung Ledang Lagenda di bawah seliaan Perbadanan Taman Negara Johor, Johor.



A white motorhome is parked in a lush, green, tropical forest setting. The vehicle is positioned in front of a dense backdrop of large trees and foliage. The motorhome has a light-colored exterior with dark stripes along the side. A large awning is extended from the front of the van. In the foreground, there is a mix of dirt and grass ground.

3 ASAS PERUNDANGAN

3.0 ASAS PERUNDANGAN

Penyediaan garis panduan perancangan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta, Dasar dan Garis Panduan sedia ada yang berkaitan seperti berikut:

- i. Kanun Tanah Negara (Akta 828) (Semakan 2020);
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- iii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- iv. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- v. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- vi. Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482); dan
- vii. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).





Pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreatif juga adalah tertakluk kepada penyelarasan terutamanya dengan dasar, cadangan dan strategi pembangunan Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).



Selain itu, perancangan dan pembangunan taman dan tapak kenderaan rekreasi juga hendaklah mengambilkira dasar-dasar sedia ada yang berkaitan:


- i. Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK);
- ii. Dasar Perbandaran Negara (DPN);
- iii. Dasar Pelancongan Negara 2020-2030; dan
- iv. Dasar Automotif Nasional.



Pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi hendaklah selaras dengan peruntukan dan syarat yang dinyatakan dalam perundangan dan garis panduan sedia ada yang disediakan oleh PLANMalaysia dan agensi teknikal lain yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Air (PBAN), Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi seperti berikut:



- i. Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan (PLANMalaysia, 2023);
- ii. Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang (PLANMalaysia, 2022)
- iii. Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia (PLANMalaysia, 2019);
- iv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan dan Pengurusan di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi (PLANMalaysia, 2018);
- v. Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (PLANMalaysia, 2018);
- vi. Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) (PLANMalaysia, 2017);
- vii. Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat (PLANMalaysia, 2013);
- viii. Garis Panduan Perancangan Taman Tema (PLANMalaysia, 2012); and
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi (PLANMalaysia, 2009).



PRINSIP PERANCANGAN

4.0 PRINSIP PERANCANGAN

Enam (6) prinsip perancangan telah digariskan bagi penyediaan garis panduan perancangan ini iaitu:



KEMAMPANAN ALAM SEKITAR

1

Pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi perlu dirancang bagi memastikan pembangunan dilaksanakan memberi kesan minimum terhadap aset semula jadi dan memelihara kemampuan alam sekitar.



KEMAKMURAN EKONOMI

2

Tapak dan taman kenderaan rekreasi yang dibangunkan haruslah mampu menjadi pemangkin bagi meningkatkan kegiatan aktiviti ekonomi setempat dan menjadi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi sedia ada.



KESEJAHTERAAN SOSIAL

3

Pemajuan tapak dan taman kenderaan rekreasi haruslah memastikan kesejahteraan sosial masyarakat setempat tidak terganggu dengan aktiviti yang ditawarkan dan memastikan penerapan elemen budaya setempat serta meningkatkan interaksi di kalangan pengunjung dan masyarakat setempat.



<https://pecanpark.com/the-evolution-of-rv-parks-and-campgrounds-in-america-a-journey-through-history/>



KESELESAAN

4

Susun atur dan reka bentuk tapak dan taman kenderaan rekreasi perlu mengambil kira aspek keselesaan pengunjung dan masyarakat setempat melalui pemilihan lokasi yang sesuai, tapak yang tidak berisiko bencana serta mempunyai kemudahan yang diperlukan oleh pengunjung.



KESELAMATAN

5

Perancangan dan pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi serta pembangunan guna tanah lain di sekitarnya haruslah selamat kepada pengunjung dan penghuni sekitarnya. Kemudahsampaian juga perlu dititik beratkan agar kerja-kerja mencari dan menyelamat boleh disalurkan dengan mudah jika berlaku sebarang kemalangan atau bencana.



KEPATUHAN UNDANG-UNDANG

6

Tapak dan taman kenderaan rekreasi hendaklah mematuhi semua perundangan dan peraturan semasa. Bagi mana-mana pemajuan yang tidak mempunyai kelulusan hendaklah diuruskan bagi mendapatkan kelulusan dengan sebaiknya.



<https://www.visitmesquite.com/listing/casablanca-rv-park/36831/>



5 TAFSIRAN DAN KATEGORI

5.0 TAFSIRAN DAN KATEGORI

Di dalam garis panduan perancangan ini, beberapa tafsiran berkaitan kenderaan rekreatif, tapak dan taman kenderaan rekreatif serta kategori pembangunannya telah digariskan.

5.1 Tafsiran

(a) Kenderaan Rekreasi

Umumnya, bagi kenderaan rekreatif secara globalnya dibahagikan kepada dua segmen utama iaitu kenderaan rekreatif bermotor atau tidak bermotor dan kedua-dua segmen ini ditafsirkan sebagaimana berikut:

Kenderaan sama ada bermotor atau tidak bermotor yang perlu ditarik oleh kenderaan lain yang dilengkapi ruang tidur/ rehat/ makan, dapur dan tandas (sama ada secara lekap tetap atau mudah alih).



**Kenderaan bermotor:
Motorhome**



**Kenderaan tidak bermotor:
Caravan**



(b) Tapak Kenderaan Rekreasi

Tapak kenderaan rekreasi ialah kawasan yang boleh menampung tidak lebih daripada 10 unit kenderaan rekreasi dalam satu-satu masa dan pengguna meletakkan kenderaan untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh pengusaha di ruang yang dikenali sebagai plot KR. Tapak kenderaan rekreasi disediakan dengan keperluan utiliti dan kemudahan asas secara berpusat.



Foto 9: Tapak RV Pantai Batu Lima, Port Dickson, Negeri Sembilan

(c) Taman Kenderaan Rekreasi

Taman kenderaan rekreasi ialah kawasan yang boleh menampung lebih daripada 10 unit kenderaan rekreasi dalam satu-satu masa dan pengguna meletakkan kenderaan untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh pengusaha di ruang yang dikenali sebagai plot KR. Setiap plot KR dilengkapi dengan punca bekalan air, elektrik, saluran pembentungan dan telekomunikasi/WIFI. Taman kenderaan rekreasi juga dilengkapi dengan kemudahan asas seperti pejabat pengurusan, tandas berserta tempat mandi, ruang solat, ruang rekreasi, ruang makan dan minum, tempat berkumpul, dan ruang mencuci dan kemudahan sokongan seperti tempat penyelenggaraan KR, kedai serbaneka, kemudahan rekreasi, kemudahan dobi dan sebagainya.



Foto 10: Terra Ceia Village RV Resort, Pantai Barat Florida, Amerika Syarikat

5.2 Kategori Pemajuan

Dua kategori pemajuan KR telah digariskan mengikut ciri-ciri seperti manapun **Jadual 1.**

Jadual 1:

Kategori Pembangunan Tapak dan Taman Kenderaan Rekreasi di Malaysia

Kategori	Ciri-ciri				
	Lokasi Berpotensi	Struktur Binaan	Plot KR	Utiliti KR (<i>hookup</i>)	Kemudahan Asas dan Sokongan
Tapak Kenderaan Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan yang mempunyai ciri-ciri alam semula jadi yang menarik seperti pantai, sungai dan tasik 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekal • Separa kekal 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada anjakan antara setiap plot KR • Ada anjakan antara setiap plot KR 	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan air, elektrik dan pembetungan disediakan secara berpusat untuk kegunaan bersama • Bekalan air, elektrik dan saluran pembetungan disediakan di plot KR secara individu 	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya kemudahan asas seperti pejabat pengurusan dan tandas disediakan • Kemudahan asas dan sokongan yang lebih lengkap dan berkualiti tinggi
Taman Kenderaan Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan binaan manusia yang mempunyai keunikan dan tarikan tersendiri seperti perkampungan tradisi, kawasan warisan sejarah, ladang pertanian dan sebagainya 				



6

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

6.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN

6.1 Kawasan Berpotensi

Tapak dan taman kenderaan rekreasi boleh diusahakan di **semua kategori zon guna tanah**. Walau bagaimanapun, faktor keselamatan dan keselesaan perlu diutamakan dengan mengelakkan dari kawasan yang berisiko bencana dan situasi yang boleh menimbulkan kacau ganggu, mencemarkan alam sekitar serta membahayakan pengunjung serta penduduk setempat.

Tapak dan taman kenderaan rekreasi sesuai diusahakan di kawasan yang mempunyai ciri-ciri alam semula jadi yang menarik seperti pantai, sungai, tasik dan kawasan binaan manusia yang mempunyai keunikan dan tarikan tersendiri seperti perkampungan tradisi, kawasan warisan sejarah, ladang pertanian dan sebagainya. Selain itu, tapak kenderaan rekreasi juga sesuai diusahakan di dalam kawasan pembangunan sedia ada untuk menyokong kemajuan aktiviti kenderaan rekreasi.

Jadual 2:

Kawasan berpotensi untuk tapak dan taman kenderaan rekreasi

Tapak Kenderaan Rekreasi	Taman Kenderaan Rekreasi
<ul style="list-style-type: none">▪ Kawasan pelancongan yang telah dikenalpasti dalam rancangan pemajuan.▪ Kawasan tapak perkelahan dan perkhemahan sedia ada▪ Kawasan pesisiran pantai▪ Kawasan pesisiran sungai▪ Kawasan sekeliling tasik▪ Kawasan perkampungan▪ Kawasan perladangan▪ Bersebelahan taman tema▪ Taman awam pada hierarki Taman Bandaran/Taman Tempatan dan ke atas dibenarkan menggunakan 1/5 atau 20% daripada kawasan untuk mengintegrasikan pemajuan taman kenderaan rekreasi (Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang terbitan PLANMalaysia 2021)	
<ul style="list-style-type: none">• Pasaraya berskala besar yang mempunyai ruang tempat letak kenderaan di kawasan terbuka• Stesen minyak• Hentian Rehat dan Rawat (R&R)• Lot-lot kosong	Tidak digalakkan.

Nota:

Lokasi yang dinyatakan adalah sebagai panduan dan boleh ditambah mengikut kesesuaian tapak



Foto 11: Tapak KR di kawasan RNR



Foto 12: Tapak KR di kawasan stesen minyak



Foto 13: Tapak KR di kawasan pasaraya



Foto 14: Penggunaan tempat letak kenderaan sedia ada di kawasan pasaraya sebagai tapak KR



Foto 15: Taman KR berhampiran sungai



Foto 16: Taman KR berhampiran sawah padi



Foto 17: Taman KR di kawasan bandar



Foto 18: Taman KR di kawasan pantai

6.2 Kesesuaian Tapak

Kesesuaian tapak bagi pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi hendaklah mengambil kira aspek berikut:

(a) Akses dan jalan masuk utama ke tapak dan taman KR

- i. Kawasan hendaklah boleh diakses setiap masa terutama dengan kenderaan darat dengan kelebaran minimum 3 meter sehala.
- ii. Akses ke taman atau tapak kenderaan rekreasi mesti dalam keadaan baik termasuk semasa musim hujan;
- iii. Akses bantuan kecemasan ke tapak perlu mengambil kira keperluan pasukan penyelamat seperti ambulans dan jentera bomba.

(b) Kawasan berisiko bencana adalah tidak dibenarkan

- i. Kawasan di sekitar garis sesar gempa bumi yang telah disahkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);
- ii. Keperluan jarak selamat dari kawasan berisiko seperti sungai, pantai, tasik, tebing tinggi, cerun bukit dan laluan kemudahan utiliti,. Keperluan jarak selamat hendaklah merujuk kepada konsultasi tapak bersama PBT dan agensi teknikal yang berkaitan;
- iii. Kawasan berisiko menjadi paya atau berair semasa musim hujan;
- iv. Kawasan tidak mempunyai aliran air yang baik dan di bawah paras banjir serta tanah tidak telap air;
- v. Hutan paya gambut yang mudah terbakar; dan
- vi. Kawasan berupa bentuk bumi berisiko seperti cerun curam, lembah sempit, jurang dan sebagainya.

(c) Kawasan larangan adalah tidak dibenarkan

- i. Kawasan yang telah disenaraikan di dalam senarai kawasan larangan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Majlis Keselamatan Negeri (MKN Negeri) tidak harus diberi pertimbangan untuk pembangunan tapak atau taman kenderaan rekreasi.
- ii. Zon kawalan sempadan antarabangsa, infrastruktur berkepentingan negara dan kawasan pertahanan perlu dielakkan.

(d) Keluasan kawasan bagi pembangunan tapak dan taman KR

- ii. Keluasan bagi pembangunan tapak kenderaan rekreasi tidak melebihi 0.5 ekar dan hanya menampung tidak lebih daripada 10 plot kenderaan rekreasi.
- iii. Keluasan bagi pembangunan taman kenderaan rekreasi hendaklah melebihi 0.5 ekar dan boleh menampung lebih daripada 10 plot kenderaan rekreasi.

6.3 Penandaan Sempadan dan Sirkulasi Dalaman

(a) Penandaan sempadan

Penandaan sempadan taman atau tapak kendaraan rekreatif mesti dibuat dengan cara membina pagar atau penanaman landskap yang sesuai dan diselenggara dengan baik. Pemasangan pagar juga bertujuan untuk menghindari gangguan binatang liar dan kejadian jenayah pencerobohan.

(b) Sirkulasi dalaman

- Sirkulasi dalaman sehala perlu minimum 3 meter (lebar).
- Sirkulasi dalaman dua hala perlu minimum 6 meter (lebar)

(c) Laluan dalaman


Laluan pejalan kaki yang menghubungkan plot kendaraan rekreatif ke kemudahan asas seperti tandas dan pejabat pengurusan serta kemudahan sokongan seperti kedai runcit, dobi, restoran, dan sebagainya perlu disediakan dengan jelas dan dicahayai pada waktu malam.

(d) Laluan kecemasan

- Laluan ke tempat berkumpul semasa kecemasan perlu ditanda dengan jelas dan dilengkapi dengan pencahayaan yang baik pada waktu malam.
- Sistem amaran awal bencana hendaklah disediakan bagi tapak kendaraan rekreatif yang mempunyai tahap keterdedahan yang tinggi terhadap risiko bencana.



Rajah 3:
Penandaan sempadan tapak dan taman kendaraan rekreatif



Rajah 4:
Penyediaan sirkulasi dalaman di tapak dan taman kendaraan rekreatif

6.4 Penyediaan Plot Kenderaan Rekreasi

i. Tapak Kenderaan Rekreasi

- (a) **Saiz plot** minimum 6 meter (lebar) x 8 meter (panjang).
- (b) **Jarak antara plot** tidak disyaratkan keperluan anjakan.
- (c) **Permukaan plot** perlu rata dan digalakkan diturap tar, batu bata, simen render atau dengan tanaman rumput dan tidak boleh dibiarkan kosong dengan tanah.

ii. Taman Kenderaan Rekreasi

- (a) **Saiz plot** minimum 6 meter (lebar) x 8 meter (panjang).
- (b) **Jarak antara plot** minimum 1.5 meter
- (c) **Permukaan plot** perlu rata dan digalakkan diturap tar, batu bata, simen render atau dengan tanaman rumput dan tidak boleh dibiarkan kosong dengan tanah.



Foto 19: Plot KR dengan kemasan batu kasar



Foto 20: Plot KR dengan kemasan batu bitumen tar



Foto 21: Plot KR dengan kemasan simen render



Foto 22: Plot KR dengan kemasan tanaman rumput

6.5 Penyediaan Utiliti

Pengguna kenderaan rekreasi memerlukan utiliti seperti bekalan air, bekalan elektrik, pembetungan dan telekomunikasi/WIFI yang disediakan di taman atau tapak kenderaan rekreasi untuk mengisi bekalan air, mengosongkan tangki pembetungan serta melaksanakan kerja mereka melalui capaian internet.

Oleh itu, penyediaan utiliti asas iaitu bekalan air, bekalan elektrik dan saluran pembetungan dan sistem telekomunikasi/WIFI yang cekap dan memenuhi permintaan pengguna taman atau tapak kenderaan rekreasi adalah penting.

- (a) Bagi **tapak kenderaan rekreasi**, penyediaan utiliti iaitu bekalan air, bekalan elektrik, saluran pembetungan dan telekomunikasi/WIFI boleh disediakan secara guna sama atau secara berpusat.
- (b) Bagi **taman kenderaan rekreasi**, penyediaan utiliti iaitu bekalan air, bekalan elektrik, saluran pembetungan dan telekomunikasi/WIFI hendaklah disediakan di setiap plot kenderaan rekreasi.

Pembuangan sisa pepejal domestik di taman atau tapak kenderaan rekreasi perlu diuruskan dengan baik oleh pengusaha. Di antara kaedah pengurusan sisa pepejal yang boleh dilaksanakan adalah amalan kitar semula (3R), penjanaan tenaga dari sisa (*waste to energy*) dan kaedah zero waste atau *bring your rubbish home*.



Foto 23: Plot KR dilengkapi dengan utiliti (air, elektrik dan saluran pembetungan)



Foto 24: Saluran pembetungan



Foto 25: Kemudahan utiliti bagi tapak KR disediakan secara berpusat



Foto 26: Saluran pembetungan

6.6 Penyediaan Kemudahan Asas dan Sokongan

(a) Kemudahan Asas

Kemudahan asas perlu disediakan mengikut keperluan dan kapasiti yang ingin ditampung oleh **taman kenderaan rekreatif** tersebut.

Antara kemudahan asas yang perlu disediakan adalah:

- i. Pejabat pengurusan untuk urusan hal pentadbiran dan pendaftaran pengguna.
- ii. Tandas beserta tempat mandi guna sama yang berasingan bagi lelaki dan wanita dan digalakkan juga disediakan tandas yang mesra keluarga dan mesra OKU.
- iii. Tempat solat yang dilengkapi dengan kemudahan untuk berwuduk.
- iv. Ruang rekreasi guna sama untuk berehat dan berinteraksi.
- v. Ruang makan dan minum (restoran/kiosk/kafe)
- vi. Ruang mencuci (kemudahan dobi dan pengeringan pantas).
- vii. Tempat berkumpul semasa kecemasan.
- viii. Papan tanda yang jelas dan diletakkan di lokasi yang sesuai bagi menunjuk arah, amaran, peringatan, laluan kecemasan, nama pengurus dan nombor telefon yang boleh dihubungi ketika kecemasan.
- ix. Perparitan yang berkesan di sekeliling kawasan bagi memastikan aliran air lancar dan tidak bertakung.
- x. Minimum 1 tempat letak kenderaan (selain KR) disediakan bagi setiap 10 plot KR dan minimum 1 tempat letak kenderaan bagi setiap 50mp ruang guna sama (seperti pejabat, dewan dan sebagainya) mengikut kiraan dalam Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (PLANMalaysia, 2018).

Bagi **tapak kenderaan rekreatif**, hanya disyaratkan keperluan menyediakan kemudahan asas berikut:

- i. Pejabat pengurusan untuk urusan pendaftaran pengguna.
- ii. Tandas beserta tempat mandi guna sama yang berasingan bagi lelaki dan wanita dan digalakkan juga disediakan tandas yang mesra keluarga dan mesra OKU secara berpusat.
- iii. Minimum 1 tempat letak kenderaan (selain KR) disediakan bagi setiap 50mp ruang guna sama dan mengikut kiraan dalam Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (PLANMalaysia, 2018).



Foto 27: Ruang guna sama



Foto 28: Tandas dan bilik mandi

(b) Kemudahan Sokongan

Selain daripada keperluan penyediaan kemudahan asas yang perlu disediakan, **taman kenderaan rekreatif** harus menyediakan lain-lain kemudahan sokongan sebagai elemen keselesaan kepada pengguna taman kenderaan rekreatif.

Antara kemudahan sokongan yang digalakkan untuk disediakan adalah:

- i. Tempat penyelenggaraan KR;
- ii. Kedai serbaneka;
- iii. Kemudahan rekreasi seperti taman permainan, kolam renang, rumah kelab, ruang berkelah, gimnasium, dan kemudahan sukan dalaman;
- iv. Kemudahan dobi yang lengkap dengan sistem pengeringan pantas;
- v. Kemudahan penginapan lain seperti chalet;
- vi. Kemudahan pencahayaan terutama bagi menerangi kawasan taman pada waktu malam; dan
- vii. Kemudahan keselamatan seperti pemasangan CCTV dan sistem amaran awal bencana.

Bagi **tapak kenderaan rekreatif** adalah tidak disyaratkan menyediakan kemudahan sokongan tambahan.



Foto 29: Kemudahan rekreasi- peralatan permainan kanak-kanak



Foto 30: Kemudahan rekreasi- kolam renang



Foto 31: Kemudahan dobi



Foto 32: Kemudahan tempat pengumpulan sampah berpusat



7 MEKANISME PERMOHONAN DAN KELULUSAN PEMAJUAN

7.0 MEKANISME PERMOHONAN DAN KELULUSAN PEMAJUAN

Bagi memastikan aktiviti pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreatif dapat dikawal dan dipantau, beberapa komponen berkaitan mekanisme pemajuan dan kawal selia tapak dan taman kenderaan rekreatif digariskan seperti berikut:

7.1 Pembangunan Sedia Ada

Kaedah kawal selia bagi tapak dan taman kenderaan rekreatif yang sedia ada adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut iaitu:

(a) Tapak Kenderaan Rekreasi

i. Jika luas lantai binaan struktur kemudahan <3,000 kaki persegi (tidak termasuk keluasan plot KR):

Tapak dengan keluasan kemudahan kurang dari 3,000 kaki persegi hanya perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Permit Sementara Bangunan (PSB) kepada PBT serta mohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk meneruskan operasi (rujuk **Rajah 5**).

ii. Jika luas lantai binaan struktur kemudahan >3,000 kaki persegi (tidak termasuk keluasan plot KR):

Tapak dengan keluasan kemudahan yang melebihi 3,000 kaki persegi perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Permit Sementara Bangunan (PSB) dalam tempoh yang ditetapkan oleh PBT serta mohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk meneruskan operasi (rujuk **Rajah 5**).

(b) Taman Kenderaan Rekreasi

Pengusaha taman boleh memohon Permit Sementara Bangunan terlebih dahulu dan kemudiannya mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) dalam tempoh yang ditetapkan oleh PBT serta mohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk meneruskan operasi (rujuk **Rajah 5**).

7.2 Pembangunan Baharu

Mekanisme pemajuan bagi permohonan tapak dan taman kenderaan rekreatif baharu adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah berikut:

(a) Tapak Kenderaan Rekreasi

i. Jika luas lantai binaan struktur kemudahan <3,000 kaki persegi (tidak termasuk keluasan plot KR):

Tapak dengan keluasan kemudahan kurang dari 3,000 kaki persegi hanya perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Permit Sementara Bangunan (PSB) kepada PBT serta mohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk operasi tapak (rujuk **Rajah 5**).


ii. Jika luas lantai binaan struktur kemudahan >3,000 kaki persegi (tidak termasuk keluasan plot KR):

Tapak dengan keluasan kemudahan yang melebihi 3,000 kaki persegi perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Permit Sementara Bangunan (PSB) serta mohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk operasi tapak (rujuk **Rajah 5**).

(b) Taman Kenderaan Rekreasi

Pengusaha taman perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB) serta lain-lain pelan yang berkaitan kepada PBT serta mohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk operasi taman (rujuk **Rajah 5**).

Rajah 5 :
Carta Alir Permohonan Kelulusan Pemajuan Tapak Dan Taman Kenderaan Rekreasi



Nota :

- Layanan permohonan KM adalah menurut peruntukan perenggan 22(5)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) iaitu secara tempoh terhad.
- Tempoh memproses adalah selaras dengan tempoh yang ditetapkan dalam Manual OSC 3.0 PLUS.
- Kadar fi bagi pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreatif adalah pada kategori 'perdagangan'.

7.3 Pertimbangan Lain

Mekanisme pemajuan bagi permohonan tapak dan taman kenderaan rekreatif baru adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah berikut:

a. Kadar Fi Memproses Permohonan

Kadar fi memproses pelan di PBT adalah berdasarkan kategori pemajuan jenis perdagangan dan mengenakan kadar fi sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Jadual Kiraan Fi, Kedah Pengawalan Perancang AM Negeri (KPPA) bagi permohonan kelulusan Kebenaran Merancang dan Jadual Kiraan Fi bagi proses pelan bangunan yang telah ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang berkuatkuasa.

b. Denda

Layanan ke atas permohonan pemajuan tapak dan taman kenderaan rekreatif sedia ada hendaklah selaras dengan peruntukan perundangan yang terpakai termasuklah dari sudut pengenaan denda kerana menjalankan pembangunan sebelum mendapat kelulusan PBT.

c. Moratorium

Tempoh moratorium boleh dipertimbangkan oleh PBN untuk diberikan kepada tapak dan taman kenderaan rekreatif yang sedia ada terutama yang tidak mempunyai sebarang kelulusan pembangunan dari PBT. Tempoh yang disyorkan adalah sehingga akhir tahun 2026 bagi tapak kenderaan rekreatif dan akhir tahun 2027 bagi taman kenderaan rekreatif untuk mengemukakan permohonan dan pertimbangan denda yang sesuai. Sekiranya, permohonan tidak dikemukakan selepas tempoh moratorium diberikan, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan mengikut bidang kuasa PBN dan PBT.

7.4 Konsultasi Maklumat Teknikal

Konsultasi awal maklumat teknikal bagi pembangunan yang berada di kawasan risiko seperti sungai, pinggir laut dan pantai, tasik, tebing tinggi, cerun bukit dan laluan kemudahan utiliti hendaklah mendapatkan nasihat PBT untuk merujuk kepada agensi teknikal seperti Jabatan Parit dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pihak Berkuastra Air Negeri (PBAN) dan lain-lain agensi serta pihak berkuastra yang berkaitan.



08 PENGURUSAN OPERASI

8.0 PENGURUSAN OPERASI

Pengurusan operasi tapak dan taman kenderaan rekreatif menggariskan amalan terbaik pengendalian operasi yang boleh dijadikan panduan utama kepada pihak pengusaha iaitu:

8.1 DAFTAR MASUK

Pendaftaran masuk hendaklah dibuat sebelum pengunjung dibenarkan memasuki tapak dan taman kenderaan rekreatif. Ruang daftar masuk disediakan di pejabat pentadbiran dengan keluasan yang mencukupi dan mengutamakan keselesaan pengunjung.

Maklumat asas pengunjung yang mendaftar masuk perlu direkodkan seperti nama, kewarganegaraan (jika warga asing, perlu nyatakan tempoh Visa), nombor telefon serta nombor telefon waris yang boleh dihubungi, nombor pendaftaran kenderaan rekreatif termasuk tarikh luput cukai jalan dan maklumat kenderaan rekreatif seperti model dan jenis KR (motorhome/caravan). Bilangan sebenar individu bagi setiap KR perlu tepat dan direkodkan dengan jelas terutamanya bagi pengunjung yang datang secara berkumpulan.



Foto 33: Ruang pendaftaran di pejabat pengurusan.



Foto 34: Sesi taklimat kepada pengunjung

8.2 TAKLIMAT KESELAMATAN

Pengunjung hendaklah diberi taklimat keselamatan sepenuhnya mengenai peraturan, tatasusila budaya setempat dan langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi termasuk tatacara penggunaan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Taklimat juga perlu menerangkan pelan tindakan kecemasan yang disediakan oleh pihak pengurusan bagi situasi kecemasan. Taklimat keselamatan boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti tayangan video melalui skrin, salinan brochuer/pamphlet, poster, paparan papan maklumat dan sebagainya.

8.3 KEPERLUAN KAKITANGAN DI TAPAK

Nisbah bilangan petugas perlu sesuai dengan kapasiti pengunjung tapak dan taman kenderaan rekreatif dan diketuai oleh seorang pengurus. Petugas perlu dilengkapi dengan kemahiran khusus pengendalian operasi kenderaan rekreatif termasuk menguruskan situasi kecemasan dan bencana. Jadual bertugas untuk keselamatan tapak terutamanya pada waktu malam dan tugas-tugas lain perlu disediakan manakala nama dan nombor telefon pengurus bertugas perlu dipaparkan atau dikongsi.

8.4 PERSEDIAAN SITUASI KECEMASAN

- a) Pihak pengurusan tapak perlu menyediakan senarai nombor panggilan pasukan penyelamat untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan seperti ambulans, balai polis dan balai bomba.
- b) Peralatan perubatan asas seperti alat bantu mula perlu disediakan di tapak dengan kakitangan yang terlatih untuk mengendalikannya.
- c) Alat pemadam kebakaran harus tersedia dan mencukupi.
- d) Bekalan air dengan tekanan yang baik dan pasir juga boleh digunakan untuk memadamkan kebakaran.
- e) Pelan tindakan kecemasan perlu dipaparkan di lokasi yang strategik dan laluan kecemasan perlu ditanda dengan jelas.

8.5 PENYELENGGARAAN

Kerja-kerja penyelenggaraan tapak perlu secara berkala bagi menjamin kebersihan dan keselamatan tapak. Skop kerja penyelenggaraan tapak adalah seperti pemantauan dan pengukuhan kawasan cerun, penambahbaikan saliran air, membaiki, mengubah suai serta menaik taraf kemudahan, memotong dahan pokok yang mati, semburan bahan penghalau binatang berbisa dan sebagainya.

Penyelenggaraan berkala mampu mengelakkan kejadian yang tidak diingini dari berlaku dan mengurangkan impak kerosakan akibat bencana.



Foto 35: Penyelenggaraan kemudahan utiliti



Foto 36: Penyelenggaraan persekitaran tapak dan taman KR

8.6 KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN

- a) Pembakaran unggun api (*camp fire*) dan tempat barbeku dibenarkan tertakluk kepada kebenaran dari pihak berkuasa dan kesesuaian tapak. Kawasan atau struktur khas pembakaran perlu disediakan dengan jarak minimum 5 meter dari kenderaan rekreasi atau struktur tambahan yang dipasang oleh pengunjung.
- b) Pihak berkuasa digalakkan menyediakan alat pengesan pergerakan tanah di kawasan cerun yang berisiko.
- c) Tidak dibenarkan mengganggu ketenteraman sekeliling dengan bunyi bising terutamanya pada waktu malam. Kaedah silence hours dari jam 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi boleh digunakan.
- d) Aktiviti lasak (*outdoor and extreme activities*) seperti kayak, rakit, menunggang kuda, mendaki gunung, *flying fox*, *bungee jumping*, ATV dan lain-lain perlu diselia dan dikendalikan oleh individu yang bertauliah serta mendapat permit kebenaran untuk menjalankan aktiviti dari pihak berkuasa.
- e) Aktiviti yang dijalankan di dalam dan luar kawasan perlu menghormati norma budaya masyarakat setempat serta tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang.
- f) Pengusaha perlu mengambil insurans liabiliti awam atau takaful bagi aktiviti yang dijalankan.
- g) Pengusaha perlu menetapkan had tempoh untuk satu-satu kenderaan rekreasi berada di tapak atau taman kenderaan rekreasi bagi mengelakkan dijadikan tempat kediaman kekal atau jangka panjang dan tempoh yang disarankan adalah tidak melebihi 180 hari dan daftar masuk semula perlu dibuat selepas tempoh 180 hari jika pengunjung ingin meneruskan aktiviti di tapak dan taman kenderaan rekreasi.
- h) Pengusaha digalakkan untuk menggunakan barang dan perkhidmatan tempatan bagi mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan tahap sosio ekonomi dan meningkatkan daya saing negara di dalam segmen industri kenderaan rekreasi (RV).
- i) Pengusaha perlu mematuhi syarat dan peraturan lain yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan dalam menjalankan operasi.



Foto 37: Aktiviti pembakaran unggun api tidak dibenarkan melainkan mendapat kebenaran pihak berkuasa



Foto 38:
Kaedah *quiet hours* boleh dilaksanakan



Foto 39: Bagi taman kenderaan rekreatif yang menyediakan kawasan rekreatif seperti kolam renang dan gimnasium, pengusaha hendaklah memastikan penggunaannya sentiasa dipantau dan diawasi oleh petugas yang bertauliah.



Foto 40: Setiap struktur dan kemudahan yang disediakan di tapak dan taman kenderaan rekreatif hendaklah sentiasa diperiksa dan diselenggara untuk mengelakkan risiko kecederaan dan kemalangan kepada pengguna dan pengunjung.



9 PENUTUP

9.0 PENUTUP

Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi memberi fokus kepada tafsiran, kategori, prinsip perancangan, perancangan tapak, mekanisme pemajuan dan kawal selia serta panduan pengurusan operasi yang perlu dipatuhi bagi pembangunan sesebuah tapak dan taman kenderaan rekreasi.


Garis panduan ini diharapkan menjadi rujukan dalam memastikan pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi mengutamakan prinsip kemampanan alam semula jadi dan keselamatan awam melalui tatacara pemajuan dan kawal selia yang jelas serta selari dengan peruntukan perundangan agar kecekapan operasi tapak dan taman kenderaan rekreasi dapat dipertingkatkan seterusnya menyokong kepada perkembangan pembangunan industri kenderaan rekreasi secara tidak langsung.



LAMPIRAN

LAMPIRAN 1:

Contoh 1:
Pelan susun atur pembangunan tapak kenderaan rekreatif.



Sumber: <https://www.fs.usda.gov/t-d/pubs/htmlpubs/htm07232816/page14.htm>




Contoh 2:
Pembangunan tapak kenderaan rekreatif.



Sumber: <https://www.passport-america.com/campgrounds/us/missouri/4320/quail-ridge-campground>

LAMPIRAN 2:

Contoh 1: Pelan susun atur pembangunan taman kenderaan rekreatif.



Sumber : <https://gonzalesinquirer.com/stories/highway-90a-rv-park-receives-approval,6105>

Contoh 2: Pelan susun atur pembangunan taman kenderaan rekreatif.




LAMPIRAN 3:

Contoh reka bentuk plot kenderaan rekreatif bagi tapak dan taman kenderaan rekreatif.

Contoh Reka Bentuk Penyediaan Plot KR

Back-In / Pull-In Plot KR





i. Petak KR jenis back-in/pull-in biasanya disediakan di lokasi berhampiran sempadan tapak KR atau taman KR

ii. Perlu sediakan ruang anjakan minimum 6 meter ke sempadan tapak.

iii. Kekurangan : Petak KR jenis back-in / pull-in memberikan sedikit kesulitan kepada pengguna untuk masuk/keluar dari petak secara undur

Pull-Through Plot KR



i. Petak KR jenis pull-through biasanya disediakan di lokasi di tengah tapak KR atau taman KR

ii. Kelebihan :

a. Petak KR jenis pull-through memberikan kemudahan kepada pengguna untuk masuk/keluar dari petak secara terus tanpa perlu mengundur.

b. Sesuai untuk kenderaan rekreatif bersaiz besar.

c. Boleh menampung KR pelbagai saiz.

Nota :

Ukuran yang dipaparkan dalam rajah adalah ukuran asal contoh dari luar negara dan perlu disesuaikan dengan ukuran yang dinyatakan dalam garis panduan ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel : 03-8091 0000
www.planmalaysia.gov.my



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel: 03-8091 0000
www.planmalaysia.gov.my